



PEKELILING RASMI NAIB CANSOLOR BIL. 3/2021

PELANJUTAN PENUTUPAN SELURUH PREMIS UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

1.0 TUJUAN

Pekeliling Rasmi Naib Canselor Bil. 3/2021 ini adalah bagi memaklumkan keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Eksekutif Universiti mengenai **Pelanjutan Penutupan Seluruh Premis, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.**

2.0 PELAKSANAAN PENUTUPAN PREMIS UTHM

- 2.1 Sebagai langkah membendung penularan wabak COVID-19 yang semakin membimbangkan, Kerajaan telah mengumumkan penyambungan penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi atau '*total lockdown*' Fasa Pertama, yang dilanjutkan bermula 15 Jun hingga 28 Jun 2021.
- 2.2 Sehubungan dengan itu, selaras dengan pengumuman yang telah dibuat ini, seluruh Kampus Universiti Tun Hussein Onn Malaysia meliputi Kampus Induk Parit Raja (termasuk Kampus Bandar) dan Kampus Cawangan Pagoh serta sebuah pusat Latihan iaitu Pusat Minda Emas (PuMAS) yang beroperasi di Tanjung Laboh adalah ditutup **sehingga 28 Jun 2021.**
- 2.3 Semua staf akademik dan pentadbiran adalah diberikan kebenaran untuk Bekerja Dari Rumah (WFH) dan staf perlu merekodkan kehadiran menggunakan *web attendance*, mengikut tempoh masa bekerja sehari yang telah ditetapkan.
- 2.4 Operasi kampus Universiti Tun Hussein Onn Malaysia akan berjalan berdasarkan ketetapan yang telah dibuat melalui beberapa pekeling berikut:
 - i. Pekeliling Pengurusan Bilangan 10 Tahun 2021, bertarikh 24 Mei 2021 : Pengoperasian Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 Diperketatkan
 - ii. Pekeliling Rasmi Naib Canselor Bilangan 2 Tahun 2021, bertarikh 30 Mei 2021 : Penutupan Seluruh Premis Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

-3-

- iii. Surat Pekeliling Pengurusan Bil. 3 Tahun 2021, bertarikh 31 Mei 2021 : Penambahbaikan Pengoperasian Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Dalam Tempoh Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (*Total Lockdown*) Fasa Pertama
 - iv. Surat Pekeliling Pengurusan Bil. 4 Tahun 2021, bertarikh 09 Jun 2021 : Pemakaian Surat Kebenaran Bertugas Daripada Kementerian Pengajian Tinggi Dalam Tempoh Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa Pertama
- 2.5 Ketetapan berkaitan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan hal ehwal pelajar akan dimaklumkan dari semasa ke semasa melalui Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).

3.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta dari tarikh ianya dikeluarkan. Adalah diharapkan agar semua pihak sentiasa mematuhi kesemua langkah-langkah pencegahan dan SOP keselamatan dan kesihatan yang telah dikeluarkan bagi mengelakkan penularan COVID-19 daripada berleluasa.

Sekian, terima kasih.

“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

Yang benar,



YBHG PROF. DATUK TS. DR. WAHID BIN RAZZALY

Naib Canselor

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

14 Jun 2021